

Ekor singa jangan dipulas

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MUNGKIN setengah-setengah pelajar kita di Britain menuduh Kerajaan sebagai pengecut kerana tidak mahu mempersetujui rayuan mereka supaya bertindak keras terhadap Kerajaan British untuk memaksanya menurunkan semula biaya pelajaran bagi pelajar-pelajar asing di negara itu. Mungkin juga bagi setengah yang lain ini dijadikan bukti memperkuat lagi dakwaan mereka sebelum ini bahawa Malaysia adalah pro-imperialis. Mereka mahu Kerajaan "memulas ekor singa", iaitu bertindak keras, termasuk mengenakan tekanan ekonomi ke atas Britain. Tetapi, seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kepada mereka, kekerasan bukanlah sebaik-baiknya cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Pertamanya, jelas beliau, belum tentu tindakan demikian boleh menukar semula dasar British dalam hal ini. Malah besar kemungkinan, meminjam semula ungkapan pelajar-pelajar tersebut, jika kita memulas ekor singa itu ia akan mengaum dan menelan kita. Tekanan ekonomi tidak saja menjejaskan Kerajaan British tetapi juga rakyatnya dan dengan demikian tentulah ia akan menimbulkan kemarahan rakyat British yang tentunya pula akan mempengaruhi tindakan Kerajaannya. Keduanya, kita sedang berusaha menarik pelaburan ke negara ini. Tindakan demikian akan memberi gambaran bahawa Malaysia menggunakan kuasa sewenang-wenangnya saja dan ini akan menakutkan pelabor-pelabor asing ke sini.

Memanglah Malaysia merasakan keperitan yang lebih daripada negara-negara lain bila Britain menaikkan kadar biaya pelajaran pelajar-pelajar asing. Bilangan pelajar Malaysia adalah yang terbesar sekali antara pelajar-pelajar asing di Britain dan Malaysia jugalah antara negara-negara membangun yang terus menambah pelajarannya di sana. Laporan jawatankuasa khas di Britain, World University Service, menunjukkan, antara 1975 hingga 1978, pelajar dari India berkurangan 40 peratus, Kenya 48 peratus, Pakistan 28 peratus dan Bangladesh 57 peratus akibat kenaikan biaya itu. Tetapi pelajar Malaysia bertambah 26 peratus, dari 10,189 tahun 1975 kepada 12,856 tahun 1978. Tetapi sebagai sebuah negara yang sudah matang, tentulah Kerajaan tidak akan bertindak keanak-anakan.

Kerajaan sedang mengusahakan cara-cara lain. Sementara usaha-usaha diplomasi belum mendatangkan kesan, Kerajaan menyediakan kemudahan kewangan kepada pelajar-pelajar kita yang kesusahan. Tetapi banyak pendapat di Britain sendiri merasakan tindakan Kerajaan negara itu sekarang lebih banyak menimbulkan keburukan kepadanya nanti terutama dalam hubungannya dengan negara-negara miskin.